

KANDUNGAN LIPUTAN HARIAN BULAN SEPTEMBER 2021

BIL.	TARIKH	TAJUK BERITA	MEDIA	MUKA SURAT
1.	02.09.2021	Umpan RM2,000 Beli Sijil Digital	Kosmo	3
2.	02.09.2021	Palsukan Dokumen Projek Kerajaan	Harian Metro	4
3.	02.09.2021	Datuk Tidak Mengaku Palsukan Dokumen	Sinar Harian	5
4.	04.09.2021	Rasuah : Pegawai Agensi Kerajaan Direman 7 Hari Bantu Siasatan	Utusan Borneo Sarawak	6
5.	04.09.2021	Officer Of Govt Agency In Remand Over RM5,000 Bribe	Borneo Post (KK)	7
6.	04.09.2021	RM5,000 Untuk Projek Bekal Pelekat	Harian Metro	8
7.	04.09.2021	Pembantu Antidadah Guna Dokumen Palsu Buat Tuntutan Didenda RM4,000	Utusan Borneo Sabah	9
8.	04.09.2021	Bekas Pegawai Kerajaan Direman Kes Rasuah	Sinar Harian	10
9.	06.09.2021	SPRM Tahan Bekas Penjawat Awam	Sinar Harian	11
10.	06.09.2021	SPRM Tahan Bekas Pembantu Tadbir	Harian Metro	12
11.	08.09.2021	1MDB Ex-CEO Told Witness He Would Have Given NAD Documents For Audit If Not For Police Raid	The Edge CEO Morning Brief	13
12.	08.09.2021	Tidak Mengaku Minta, Terima Rasuah	Harian Metro	14
13.	08.09.2021	Shamsubahrin Didakwa Lagi Kes Makan Suap	Sinar Harian	15
14.	08.09.2021	Zahid Not Criminally Liable Over CBT Charges As His-Ex Secretary Had Custody Of Chequebooks - Lawyer	The Edge CEO Morning Brief	16
15.	09.09.2021	Ditahan Seleweng Gaji Guru Kontrak	Kosmo	17
16.	10.09.2021	Empat Pegawai kanan GLC Direman Empat Hari	Sinar Harian	18
17.	10.09.2021	Several Key Management Personnel Of Silterra Arrested By MACC : DNEX	The Sun	19
18.	10.09.2021	CEO Bekas Anak Syarikat GLC Salah Guna Dana RM2.2J	Harian Metro	20
19.	10.09.2021	Seleweng Dana RM2.2J	Harian Metro	21
20.	11.09.2021	Pengurus, Bekas Eksekutif Direman Makan Suap RM18,000	Kosmo	22
21.	11.09.2021	Dua Direman Bantu Siasatan Suapan RM18,000	Harian Metro	23
22.	11.09.2021	Dua Lelaki Termasuk Pengurus Ladang Direman	Sinar Harian	24
23.	14.09.2021	Penolong Jurutera JKR Diterima Rasuah Didenda RM1,000	Kosmo	25
24.	14.09.2021	Kena 9 Tuduhan Suapan – Staf PKD Tak Mengaku Bersalah Terima Rasuah Lebih RM31,000	Harian Metro	26
25.	16.09.2021	Padah Beri Kontrak RM46K Pada Keluarga	Harian Metro	27

KERATAN AKHBAR BULAN SEPTEMBER 2021
LAIN-LAIN MEDIA

BIL.	TARIKH	TAJUK BERITA	MEDIA	MUKA SURAT
26.	16.09.2021	Pensyarah Kanan Ditahan SPRM Disyaki Beri Kontrak Kepada Kakak, Abang Ipar	Sinar Harian	28
27.	22.09.2021	Kemuka Tuntutan Palsu RM27,000	Harian Metro	29
28.	23.09.2021	Pegawai ATM Nafi Terima Suapan RM2.5K	Harian Metro	30
29.	24.09.2021	Tunnel Project Contractor Met Lim Several Times At CM's Office - Witness	The Edge CEO Morning Brief	31
30.	29.09.2021	Guru Besar Kena Reman Enam Hari	Harian Metro	32
31.	29.09.2021	Siasat 25 Isu Bersifat Punitif – Laporan Ketua Audit Negara (LKAN)	Harian Metro	33
32.	29.09.2021	Pembaziran Direkodkan RM285.04 Juta – LKAN 2019 Siri 2	Sinar Harian	34

KOSMO | 2 SEPTEMBER 2021 | PAGE 2

Individu enggan disuntik pelali kian terdesak mahu bergerak bebas

Umpan RM2,000 beli sijil digital

Oleh WARTAWAN KOSMO/

PETALING JAYA – Sudahlah tidak mahu ambil pelali, golongan antivaksin Covid-19 sanggup menawarkan sejumlah wang kepada sebahagian petugas kesihatan untuk mendapatkan sijil imunisasi digital supaya bebas ke sana ke mari.

Sumber berkata, golongan ini menjadikan doktor di klinik swasta sebagai tempat untuk mereka mendapatkan sijil vaksinasi palsu dengan menawarkan rasuah tanpa perlu mengambil pelalian yang disarankan oleh kerajaan.


Katanya, mereka bukanlah orang kampung, bahkan tinggal di bandar serta berpendidikan, namun terpedaya dengan dakwah palsu mengenai keburukan vaksin dan percaya ia hanya propaganda.

"Mereka terdesak apabila kerajaan mengumumkan kelebihan yang boleh dilakukan kepada mereka yang lengkap dua dos vaksin."

"Jadi, mereka risau kehilangan kerja dan tidak dibenarkan untuk memasuki mana-mana premis yang mahu melihat sijil vaksinasi digital," katanya kepada Kosmo.

Tambahnya, mereka juga mahu merentas daerah dan makan di restoran selepas kerajaan memberi kelonggaran kepada penerima dua dos vaksin berbuat demikian.

Menurut sumber itu, tawaran tersebut dibuat oleh seorang wanita berusia dalam lingkungan 40-an apabila dia cuba membeli sijil berkenaan daripada seorang doktor klinik swasta di Rawang bagi tujuan perkahwinan anak perempuannya.



SIJIL vaksinasi digital dikeluarkan kepada individu yang sudah lengkap dua dos suntikan imunisasi bagi membolehkan mereka menikmati kelonggaran diberikan kerajaan. – GAMBAR HIASAN

"Wanita itu berpura-pura bertanya mengenai ujian calitan sebelum membuka mulut untuk membeli sijil digital itu bagi tujuan perkahwinan anak perempuannya dan membolehkan dia kembali ke pejabat."

"Mereka tidak mahu ambil vaksin dengan alasan ada yang mati selepas disuntik. Dia tetap berkeras tidak mahu disuntik walaupun dipujuk," katanya.

Tambah sumber, semakin mendapati orang yang dikatakan meninggal dunia akibat vaksin itu menghidap penyakit tiroid dan mungkin menjadi lebih teruk selepas disuntik.

Menurut sumber, ada juga kes

kakitangan kesihatan menerima tawaran wang daripada seorang lelaki ketika menjalankan tugas di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Mines International Exhibition and Convention Centre, Seri Kembangan baru-baru ini.

"Dia enggan divaksin kerana beranggapan ia mengandungi lemak babi. Perkara ini amat dikesalkan kerana ramai mudah terpengaruh dengan dakwaan sedemikian," katanya.

Sementara itu, jelas sumber, seorang doktor di Kota Bharu, Kelantan pernah ditawarkan RM2,000 oleh individu tertentu untuk membeli sijil tersebut.

"Dia tidak mahu disuntik wa-

laupun tahu ia percuma. Dia mendakwa sijil lebih penting kerana ia sebagai pasport untuknya bergerak bebas selepas kerajaan memberikan kelonggaran kepada individu yang lengkap dua dos," katanya.

Kerajaan sebelum ini mengumumkan individu yang telah menerima vaksinasi lengkap diberi kelonggaran untuk aktiviti rentas daerah dan negeri termasuk solat berjemaah di masjid dan surau serta dine-in di restoran.

Kemudahan itu terbahagi kepada dua iaitu semua fasa dalam Pelan Pemulihan Negara dan kepada negeri yang berada di fasa dua dan seterusnya.

Kelebihan sijil vaksinasi digital

PPN Fasa 1

- Boleh rentas daerah dan negeri (bersyarat)
- Solat di masjid, surau
- Masuk premis perdagangan, pasar
- Dine-in
- Bersukan
- Berkelah

Fasa 2

- Rentas daerah dan negeri (bersyarat)
- Solat di masjid, surau
- Dine-in
- Bersukan
- Berkelah
- Melancong
- Sektor pembuatan, pembinaan (bersyarat)
- Masuk 18 premis sektor, pasar

Fasa 3

- Rentas daerah, negeri (bersyarat)
- Solat di masjid, surau
- Dine-in
- Berkelah
- Melancong
- Sektor pembuatan, pembinaan (bersyarat)
- Bersukan
- Masuk 18 premis sektor perdagangan, pasar

Fasa 4

- Rentas negeri (bersyarat)
- Kakitangan pejabat 100 peratus
- Mesyuarat, seminar, bengkel bersemuka
- Majlis rasmi, sosial
- Aktiviti perniagaan, pasar dibenarkan
- Semua institusi pendidikan dibuka kecuali sekolah
- Pernikahan, aktiviti agama
- Bersukan
- Industri kreatif, hiburan
- Melancong

Harian Metro | 2 September 2021 | Page 22

Palsukan dokumen projek kerajaan

Ahli perniagaan bergelar Datuk didakwa atas 69 pertuduhan

Oleh Norzamira
Che Noh
am@hmetro.com.my

Shah Alam

Seorang ahli perniagaan bergelar Datuk didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, semalam, atas 69 pertuduhan memalsukan dokumen pelbagai projek kerajaan antara Jun 2019 hingga September 2020.

Tertuduh, Adly Kamarudin, 47, bagaimanapun mengaku tidak bersalah atas semua pertuduhan yang dibacakan di hadapan Hakim Rozilah Salleh.

Mengikut semua kertas pertuduhan, tertuduh didakwa melakukan subahat dengan mengarahkan lapan individu iaitu pekerjaannya untuk memalsukan dokumen pelbagai projek dengan tujuan menipu Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia.

Kesemua projek itu termasuklah projek jalan, menaik taraf dan ubah suai perpustakaan; pembinaan kolej dan penghawa dingin di beberapa universiti awam, bangunan hospital, rumah kakitangan FELDA serta kerja-kerja penyelenggaraan pemasangan mekanikal di kem-kem Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di Kuala Lumpur dan Bentong, Pahang.

Tertuduh didakwa melakukan perbuatan itu bermula Jun 2019 hingga September 2020 di sebuah rumah banglo di Bandar Baru Bangi.

Justeru, dia didakwa mengikut Seksyen 468 Kanun Keseksan dibaca bersama

Seksyen 109 kanun sama yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga tujuh tahun dan denda, sekiranya disabitkan kesalahan bagi semua pertuduhan.

Pihak pendakwaan diwakili Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Ahmad Akram Gharib menawarkan jaminan RM500,000 dengan seorang penjamin dan syarat tambahan tertuduh perlu melaporkan diri setiap bulan di pejabat SPRM berhampiran dan pasport diserahkan kepada mahkamah.

Mahkamah kemudian membenarkan jumlah jaminan dan syarat tambahan tertuduh perlu melaporkan diri di pejabat SPRM terdekat sebelum atau pada 7 hari bulan setiap bulan serta memaklumkan secara e-mel kepada mahkamah dan pihak pendakwaan dalam tempoh tujuh hari sekiranya ingin ke luar negara.

Media sebelum ini melaporkan SPRM pada April menumpaskan sindiket kartel projek dengan penahanan tujuh individu termasuk ketua sindiket yang didakwa monopoli tender daripada beberapa kementerian dan agensi kerajaan di seluruh negara dengan nilai RM3.8 bilion.

Modus operandi kartel ialah membayar rasuah kepada orang dalam untuk mendapat maklumat berhubung spesifikasi, harga siling, harga jabatan, jumlah penyertaan, kelayakan syarikat dan masa yang sesuai

untuk menghantar borang tender dan sebutharga.

Taktik, mengepung harga iaitu dengan menyertai sesuatu tender dengan menggunakan sejumlah besar syarikat yang berada di bawah kawalan ketua sindiket. Syarikat-syarikat terbabit akan memasuki tender mengikut harga yang berbeza-beza

berdasarkan harga siling yang ditetapkan.

Hasil risikan dijalankan SPRM mendapati sindiket ini menggunakan nama beratus individu untuk membuka syarikat-syarikat di bawah naungan kartel.

Setiap individu akan dibayar gaji bulanan dan komisen sebagai imbuhan bagi penggunaan nama dan butiran peribadi.



ADLY (kiri) didakwa melakukan perbuatan itu bermula Jun 2019 hingga September 2020.
- Gambar NSTP/FAIZ ANUAR

Sinar Harian | 2 September 2021 | Page 1,20



Datuk tidak mengaku palsukan dokumen

Didakwa atas 69 tuduhan berhubung kartel penipuan projek kerajaan

Oleh NOOR AZLIDA ALIMIN

SHAH ALAM

Seorang ahli perniagaan bergelar Datuk, berdepan hukuman penjara sehingga 483 tahun apabila dia didakwa di Mahkamah Sesyen di sini pada Rabu, atas 69 pertuduhan memalsukan dokumen berhubung kartel penipuan projek-projek kerajaan, bermula dua tahun lalu.

Datuk Adly Kamarudin, 47, mengaku tidak bersalah terhadap kesemua pertuduhan yang dibacakan lebih sejam di hadapan Hakim Rozilah Salleh.

Mengikut kesemua pertuduhan, Adly didakwa melakukan per-subahatan dengan mengarahkan seramai lapan pekerjaannya untuk memalsukan 69 dokumen pelbagai projek dengan tujuan menipu Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia.

Antara dokumen tersebut ialah surat setuju terima tender kerja-kerja naik taraf dan baik pulih bangunan, cadangan pembangunan projek perumahan dan kedai, cadangan naik taraf perpustakaan, stadium hoki serta

penyelenggaraan pemasangan elektrik.

Kesalahan didakwa itu dilakukan di sebuah rumah banglo, Bandar Baru Bangi, Selangor bermula Jun 2019 hingga September 2020.

Atas kesalahan itu, dia didakwa mengikut Seksyen 468 Kanun Keseksaan dibaca bersama Seksyen 109 kanun sama yang membawa hukuman penjara sehingga tujuh tahun dan denda jika sabit kesalahan.

Semasa prosiding, Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Ahmad Akram Gharib membantah sekiranya tertuduh diberi ikat jamin kerana kesalahan berkenaan termasuk dalam kes yang tidak boleh dijamin.

"Namun sekiranya mahkamah menggunakan budi bicara untuk melepaskan tertuduh dengan ikat jamin, pihak pendakwaan mencadangkan jumlahnya sebanyak RM500,000 dengan sekurang-kurangnya seorang penjamin.

"Tertuduh juga dikehendaki memenuhi syarat tambahan iaitu pasport diserahkan kepada mahkamah dan diarah lapor diri di pejabat SPRM terdekat," katanya.

Bagaimanapun, tertuduh yang mempunyai perniagaan pelancongan di Jakarta, Indonesia membuat rayuan.



ADLY

Peguam tertuduh, Md Yumus Shariff dalam pembelaannya merayu agar pasport anak guamnya tidak diserahkan kepada mahkamah kerana ia boleh menjejaskan urusan perniagaannya di luar negara.

Selepas mendengar permohonan daripada kedua-dua pihak, Rozilah membenarkan tertuduh diikat jamin sebanyak RM500,000 dengan seorang penjamin.

Tertuduh juga, menurut hakim, dikehendaki memenuhi syarat tambahan iaitu melaporkan diri di pejabat SPRM pada minggu pertama setiap bulan.

Tertuduh boleh memaklumkan kepada mahkamah menerusi e-mel dalam tempoh tujuh hari jika berhasrat mahu ke luar negara dan penyelesaian ikat jamin sehingga pagi Khamis.

Mahkamah menetapkan 3 November depan untuk sebutan semula kes tersebut.

Pada 5 April lalu, *Sinar Harian* melaporkan SPRM menumpaskan sindiket kartel projek dengan penahanan tujuh individu termasuk seorang ketua sindiket.

Menurut sumber, sindiket kartel projek-projek kerajaan berkenaan yang beroperasi sejak 2014 itu dipercayai telah memonopoli sebanyak 345 tender daripada beberapa kementerian dan agensi kerajaan di seluruh negara dengan nilai projek RM3.8 bilion.



Utusan Borneo Sarawak | 4 September 2021 | Page 13

Rasuah: Pegawai agensi kerajaan direman 7 hari bantu siasatan

SHAH ALAM: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Selangor memperoleh perintah reman tujuh hari mulai semalam, terhadap seorang pegawai sebuah agensi kerajaan bagi membantu siasatan meminta dan menerima rasuah berjumlah RM5,000 daripada sebuah

syarikat pengiklanan.

Perintah reman terhadap lelaki berusia 44 tahun itu dikeluarkan Timbalan Pendaftar Saidatul Akmar Suberi di Mahkamah Majistret Shah Alam semalam.

Sumber SPRM memberitahu perbuatan itu dipercayai dilakukan suspek sejak 2017

hingga tahun lepas sebagai balasan untuk membantunya-rikat terbabit mendapatkan projek pembekalan pelekat kepada agensi berkenaan.

Kes disiasat di bawah Seksyen 17 (a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (ASPRM) 2009. — Bernama



KESALAHAN SERIUS: Bekas pegawai agensi kerajaan direman selama tujuh hari untuk membantu siasatan meminta dan menerima rasuah berjumlah RM5,000 daripada sebuah syarikat pengiklanan. — Gambar Bernama

Borneo Post (KK) | 4 September 2021 | Page 4



The government agency officer being escorted by MACC officers to obtain the remand order at the Shah Alam Magistrate's Court on Friday. — Bernama photo

Officer of govt agency in remand over RM5,000 bribe

SHAH ALAM: The Selangor Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) on Friday obtained an order to remand for seven days an officer of a government agency who allegedly solicited and received bribe of RM5,000 from an advertisement company.

The order against the 44-year-old officer was issued by deputy registrar Saidatul Akmar Suberi at the Magistrate's Court here.

According to a MACC source, the officer was alleged



to have solicited the bribe in exchange for helping the company to obtain project for supply of stickers to the agency.

The case is being investigated under Section 17 (a) of the MACC Act. — Bernama

Harian Metro | 4 September 2021 | Page 10



RM5,000 untuk projek bekal pelekot

SUSPEK tiba di Mahkamah Majistret Shah Alam, semalam.

Shah Alam: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Selangor memperoleh perintah reman tujuh hari mulai semalam terhadap seorang pegawai sebuah agensi kerajaan bagi membantu siasatan meminta dan menerima rasuah berjumlah RM5,000 daripada sebuah syarikat pengiklanan.

Perintah reman ter-

hadap lelaki berusia 44 tahun itu dikeluarkan Timbalan Pendaftar Saidatul Akmar Suberi di Mahkamah Majistret Shah Alam di sini, semalam.

Sumber SPRM memberitahu, perbuatan itu dipercayai dilakukan suspek sejak 2017 hingga tahun lalu sebagai balasan untuk membantu syarikat berkenaan menda-

patkan projek pembekalan pelekot kepada agensi berkenaan.

Difahamkan suspek sebelum ini ditahan kira-kira jam 2 petang kelmarin di Pejabat SPRM Selangor.

Sementara itu, Pengarah SPRM Selangor, Datuk Alias Salim ketika dihubungi mengesahkan penahanan suspek.

Katanya, kes disiasat mengikut Seksyen 17 (a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (ASPRM) 2009.

**Suspek ditahan
kira-kira jam 2 petang
kelmarin di Pejabat
SPRM Selangor**

Utusan Borneo Sabah | 4 September 2021 | Page 4

Pembantu Antidadah guna dokumen palsu buat tuntutan didenda RM4,000

Oleh Vivi Olviana Najurus

KOTAKINABALU: Seorang penjawat awam yang menggunakan dokumen palsu untuk membuat tuntutan didenda RM4,000 bagi dua pertuduhan di Mahkamah Sesyen Khas Rasuah di sini semalam.

Tertuduh, Mohd Aizat Rosland, 33, didenda bagi dua pertuduhan mengikut Seksyen 471 dan 465 Kanun Keseksaan.

Mengikut pertuduhan alternatif pertama tertuduh yang juga bekerja sebagai Pembantu Antidadah itu menggunakan dokumen palsu sebagai tulen, iaitu sekeping resit hotel berjumlah RM440 untuk membuat tuntutan di dalam Kenyataan Tuntutan Elaun Perjalanan Dalam Negeri Bagi Bulan Mac 2017 atas nama tertuduh.

Tertuduh melakukan kesalahan terbabit antara 1 hingga 5 April 2017 di Pejabat Agensi Anti-Dadah Kebangsaan (AADK) Negeri Sabah

di sini, walaupun mengetahui bahawa dokumen terbabit palsu.

Untuk kesalahan itu, tertuduh didapati melakukan kesalahan mengikut Seksyen 471 Kanun Keseksaan (Akta 574) yang boleh dihukum mengikut Seksyen 465 Kanun sama.

Bagi pertuduhan alternatif kedua tertuduh sekali lagi menggunakan dokumen palsu sebagai tulen iaitu sekeping resit hotel berjumlah RM300 untuk membuat tuntutan sama pada bulan April 2017 antara 1 Mei sehingga 21 Jun 2017.

Untuk kesalahan itu tertuduh didenda mengikut Seksyen 471 Kanun Keseksaan (Akta 574) yang boleh dihukum mengikut Seksyen 465 Kanun sama.

Mahkamah kemudian memerintahkan tertuduh membayar denda RM2,000 untuk setiap pertuduhan dan tertuduh berjaya membayar kesemua denda berjumlah RM4,000 sepertimana yang ditetapkan mahkamah.

Sinar Harian | 4 September 2021 | Page 19

Bekas pegawai kerajaan direman kes rasuah



Bekas pegawai agensi kerajaan (tengah) dibawa ke Mahkamah Majistret Shah Alam pada Jumaat untuk mendapatkan perintah reman kes rasuah.

SHAH ALAM - Seorang bekas pegawai agensi kerajaan direman tujuh hari di Mahkamah Majistret di sini pada Jumaat bagi membantu siasatan berhubung kes rasuah bernilai RM5,000 pada tahun 2017 hingga 2020.

Ia membabitkan kes rasuah daripada syarikat pengiklanan sebagai balasan membantu mendapatkan projek pembekalan pelekat pada kenderaan.

Timbalan Pendaftar Saidatul Akmar Suberi me-

ngeluarkan perintah itu selepas membenarkan permohonan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk menahan suspek bermula Jumaat sehingga 9 September.

Lelaki itu ditahan pada jam 2 petang Khamis selepas hadir memberikan keterangan di Pejabat SPRM Selangor.

Pengarah SPRM Selangor, Datuk Alias Salim ketika dihubungi mengesahkan mengenai penahanan lelaki berkenaan.

Sinar Harian | 6 September 2021 | Page 20

SPRM tahan bekas penjawat awam

Lelaki berusia 35 tahun itu dipercayai palsukan butiran syarikat untuk dapatkan kerja-kerja pembekalan toner bernilai RM1.03 juta

JOHOR BAHRU

Seorang bekas penjawat awam ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Negeri Johor di sini pagi Ahad kerana dipercayai memalsukan butiran syarikat miliknya bagi mendapatkan

kerja-kerja pembekalan toner melibatkan nilai RM1.03 juta.

Menurut sumber, lelaki berusia 35 tahun itu ditahan di pejabat SPRM Johor pada jam 11.30 pagi Ahad bagi membantu siasatan.

Hasil siasatan mendapati lelaki berkenaan yang ketika itu merupakan pembantu tadbir

Gred N19 di pejabat kerajaan negeri telah menyalahguna kuasa dan kedudukannya sebagai urusetia dalam Jawatankuasa Sebutharga.

"Ia adalah untuk mendapatkan kerja-kerja pembekalan toner mesin pencetak dengan memalsukan butir-



AZMI

an pemilikan tiga syarikat miliknya dari 2016 sehingga 2019, melibatkan nilai kerja RM1.03 juta," menurut sumber itu.

Kes disiasat mengikut Seksyen 23 (1) Akta SPRM 2009 dan jika sabit kesalahan boleh dikenakan hukuman denda lima kali nilai suapan atau RM10,000

mana yang lebih tinggi dan penjara tidak melebihi 20 tahun.

Sementara itu, Pengarah SPRM Negeri Johor, Datuk Azmi Alias ketika dihubungi mengesahkan penahanan individu terbabit. - *Bernama*

HARIAN METRO | 06/09/2021 | MS 20

SPRM tahan bekas pembantu tadbir

Johor Bahru: Seorang bekas pembantu tadbir ditahan kerana dipercayai menyalahguna kuasa dan kedudukannya memalsukan butiran tiga syarikatnya bagi mendapatkan kerja pembekalan bernilai RM1.03 juta antara 2016 hingga 2019.

Lelaki berusia 35 tahun dan bekas Pembantu Tadbir Gred N19 itu ditahan di Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di sini, jam 11.30 pagi semalam bagi membantu siasatan.

"Hasil siasatan mendapati ketika bertugas sebagai pembantu tadbir di sebuah pejabat kerajaan negeri ini, suspek menggunakan kedudukannya sebagai urusetia

dalam Jawatankuasa Sebutarga.

"Ia untuk mendapatkan kerja pembekalan toner bernilai lebih kurang RM1.03 juta dengan memalsukan butiran pemilikan tiga syarikatnya dari 2016 hingga 2019," kata SPRM dalam satu kenyataan, semalam.

Kes disiasat mengikut Seksyen 23 (1) Akta SPRM 200 yang jika sabit kesalahan boleh dikenakan hukuman denda lima kali nilai suapan atau RM10,000 mana yang tinggi dan penjara maksimum 20 tahun.

Pengarah SPRM Johor, Datuk Azmi Alias ketika dihubungi mengesahkan tangkapan itu.

The Edge CEO Morning Brief | 8 September 2021 | Page 13

KUALA LUMPUR (Sept 7): A police raid and seizure of documents of 1Malaysia Development Bhd's (1MDB) premises in 2015 was the reason the now-defunct fund's former chief executive officer (CEO) Arul Kanda Kandasamy had difficulty in procuring documents which were vital for the National Audit Department's (NAD) audit of the company, suggested a defence lawyer.

Lawyer acting on behalf of accused Arul Kanda, Datuk N Sivananthan, suggested to witness and former NAD director Saadatul Nafisah Bashir Ahmad, who was testifying today against Datuk Seri Najib Razak at the 1MDB audit tampering trial, that while NAD had requested these documents to complete its audit, 1MDB could not provide them as the police had seized the documents and servers.

Sivananthan: Are you aware the interim report to the PAC (Public Accounts Committee) was presented on July 9, 2015?

1MDB ex-CEO told witness he would have given NAD documents for audit if not for police raid

BY TIMOTHY ACHARIAM & AHMAD NAQIB IDRIS
theedgemarkets.com

Saadatul: Yes, but I don't remember the exact date.

Sivananthan: Are you aware that PDRM (Royal Malaysia Police) has seized documents from 1MDB on July 8, 2015?

Saadatul: I heard about the news but

I don't remember the dates and what documents they (the police) seized.

Sivananthan: You agree that this (the raid) would have put 1MDB in a difficult position as police had seized the documents. They would have to request the seized documents for the audit process.

Saadatul: Yes.

She also testified that Arul Kanda had told them about this seizure and informed them that had it not been for the raid, he would have furnished the documents.

In this trial, Najib is charged with abusing his power to amend the 1MDB audit report before it was submitted to the parliament's PAC, to protect himself from disciplinary, civil and criminal actions while Arul Kanda is charged with abetting the former premier.

The charges are framed under Section 23 (1) of the MACC Act 2009, which specifies a jail term of up to 20 years and a fine of no less than five times the amount of gratification or RM10,000, whichever is higher.

HARIAN METRO | 08/09/2021 | MS 5

Tidak mengaku minta, terima rasuah

Oleh Norzamira
Che Noh
am@hmetro.com.my

Shah Alam

Pengasas Big Blue Taxi Services, Datuk Shamsubahrin Ismail mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini,



SHAMSUBAHRIN didakwa atas tiga pertuduhan meminta dan menerima rasuah pada Mac lalu.

Pengasas Big Blue Taxi Services didakwa atas tiga pertuduhan

semalam, atas tiga pertuduhan meminta dan menerima rasuah pada Mac lalu. Tertuduh, Shamsubahrin, 55, membuat pengakuan itu selepas semua pertuduhan pindaan dibacakan jurubahasa di hadapan Hakim Rozilah Salleh.

Mengikut kertas pertuduhan pindaan pertama dan kedua, tertuduh didakwa secara rasuah meminta suapan bernilai RM15,000 dan RM35,000 daripada seorang lelaki berusia 42 tahun sebagai dorongan bagi menyelesaikan kes individu itu di Mahkamah Rayuan Putrajaya.

Bagi pertuduhan pindaan ketiga, tertuduh didakwa secara rasuah menerima suapan ber-

jumlah RM35,000 daripada lelaki berkenaan bagi tujuan sama.

Perbuatan itu dilakukan tertuduh di Bandar Baru Bangi; Bandar Teknologi Kajang, Semenyih dan Bukit Jelutong, Shah Alam pada 3, 7 dan 10 Mac lalu.

Justeru tertuduh didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen

16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan boleh dihukum mengikut Seksyen 24(1) akta sama yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana lebih tinggi sekiranya disabitkan kesalahan bagi setiap pertuduhan.

Terdahulu, pihak pendakwaan diwakili Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Fadhli Ab Wahab menawarkan jaminan RM50,000 bersama seorang penjamin serta tertuduh perlu melaporkan diri di pejabat SPRM pada minggu pertama setiap bulan.

Pihak pendakwaan memohon kes rasuah didakwa di Mahkamah Sesyen Kuala

Lumpur dipindahkan dan disebut bersama kes di Mahkamah Sesyen Shah Alam.

Tertuduh diwakili Peguam Datuk Shahrudin Ali, Muhammad Noor Azfar Noor Azmi dan Zarina Ismail memohon jaminan dikurangkan berikutan tertuduh tidak mempunyai keupayaan atau risiko untuk melarikan diri berikutan masalah kesihatan serta turut mempunyai kes lain di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur.

“Anak guam saya mempunyai rawatan lanjut di hospital dengan komplikasi paru-parunya antara 20 hingga 25 peratus selepas dijangkiti Covid-19 sebelum ini,” katanya.

Mahkamah kemudian menetapkan jaminan RM40,000 bersama seorang penjamin dan membenarkan syarat tambahan dikemukakan pihak pendakwaan.

Terdahulu, Hakim turut membatalkan waran tangkap ke atas tertuduh selepas berpuas hati mendengar penjelasan tertuduh yang gagal hadir ke mahkamah bagi pertuduhan pada 25 Ogos lalu.

Sebutan semula kes ditetapkan pada 8 Oktober depan.

“
Anak guam saya mempunyai rawatan lanjut di hospital di hospital Peguam

SINAR HARIAN | 08/09/2021 | MS 19

Shamsubahrin didakwa lagi kes makan suap

SHAH ALAM - Pengasas Big Blue Taxi Services yang sebelum ini didakwa atas kes rasuah di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur, sekali lagi didakwa atas kes sama di Mahkamah Sesyen di sini pada Selasa.

Datuk Shamsubahrin Ismail, 55, yang hadir ke mahkamah dengan berkerusi roda, membuat pengakuan tidak bersalah atas tiga pertuduhan yang dibacakan di hadapan Hakim Rozilah Salleh.

Mengikut pertuduhan pertama dan kedua, ahli perniagaan itu didakwa meminta masing-masing RM15,000 dan RM35,000 daripada seorang lelaki berusia 42 tahun, sebagai dorongan untuk menyelesaikan kesnya di Mahkamah Rayuan Putrajaya.

Kesalahan didakwa dilakukan di Jalan Perindustrian Suntracks, Bandar Baru Bangi dan Hill Park, Bandar Teknologi Kajang, Semenyih pada 3 dan 7 Mac lalu.

Sementara pertuduhan ketiga, tertuduh didakwa menerima suapan RM35,000 daripada individu sama untuk tujuan sama di Persiaran Arked



Shamsubahrin sekali lagi didakwa atas kes sama rasuah di Mahkamah Sesyen Shah Alam pada Selasa.

Seksyen U8, Bukit Jelutong di sini pada 10 Mac lalu.

Dia didakwa mengikut Seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan boleh dihukum di bawah Seksyen 24(1) akta sama yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan jika sabit kesalahan.

Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Fadhli Ab Wahab mencadangkan tertuduh diberi ikat jamin sebanyak RM50,000 dengan seorang penjamin serta melaporkan diri di pejabat SPRM terdekat.

“Selain itu, pihak pendakwaan memohon kes rasuah yang telah didakwa di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur dipindahkan dan disebut bersama kes di mahkamah di sini,” katanya.

Bagaimanapun, salah seorang peguam yang mewakili tertuduh, Datuk Shahrudin Ali memohon agar Shamsubahrin diberi ikat jamin pada kadar munasabah dengan alasan beliau mempunyai pelbagai penyakit yang amat serius.

Rozilah membenarkan tertuduh diikat jamin sebanyak RM40,000 dengan seorang penjamin dan membenarkan syarat tambahan pihak pendakwaan.

The Edge CEO Morning Brief | 8 September 2021 | Page 13

KUALA LUMPUR (Sept 7): The prosecution has failed to prove a prima facie case in all 12 criminal breach of trust (CBT) charges against Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi involving Yayasan Akalbudi funds as Zahid's former aide had control and custody over the chequebooks belonging to Yayasan Akalbudi and the former deputy prime minister, the High Court was told today.

Defence counsel Hamidi Mohd Noh said the issuance of all 52 cheques in the 12 CBT charges was linked to Ahmad Zahid's former executive secretary, Mejar Mazlina Mazlan @ Ramly, who is the 90th prosecution witness (SP90).

"For the 12 CBT charges, SP90 is the prosecution's most important witness because at the material time, she managed the financial affairs of Yayasan Akalbudi, particularly making payments for Yayasan's account.

"Mejar Mazlina had full control, possession and custody of all chequebooks belonging to Yayasan Akalbudi and the accused, and she was the only one who held the keys to the drawer where the cheques were kept — even the accused did not have the keys.

"It is SP90's evidence that she also had been managing the accused's personal matters, particularly the accused's personal finances, including his personal cheques. These tasks were taken upon the passing over of duties from Datuk Rosnah (the accused's previous executive secretary) to SP90," Hamidi said in his submission at the end of the prosecution's case before Judge Datuk Collin Lawrence Sequerah.

Hamidi said it is thus safe to infer that the accused himself did not have the liberty,

Zahid not criminally liable over CBT charges as his ex-secretary had custody of chequebooks — lawyer

Bernama

MOHAMAD SHAHRIL BASRI/THE EDGE



nor access, to prepare the relevant cheques.

"A close scrutiny of the circumstances of how and why the cheques were issued will show that criminal liability cannot be attached to the accused," he said.

The lawyer said out of 52 cheques, 44 were related to credit card charges.

Hamidi further submitted that there was no criminal liability on the accused in respect of the 32 stamped cheques used for the credit card payments.

He said his client did not put the stamped signatures on all the 32 cheques, and there was no evidence that the stamp was in the accused's possession, but unequivocal evidence said SP90 did so.

"Culpability must be attached to SP90 as she negligently stamped the cheques. Despite her evidence that the accused had given his consent (which was challenged), her evidence on this point and others where she tries to implicate the accused does not inspire confidence.

"There is a further reason why the evidence from SP90 where she said the accused consented to the 'stamp' being used for the cheque purposes cannot be credible. The reason is the prosecution did not produce any authorisation for the bank to clear its cheques with stamped signatures instead of them being handwritten," he said.

Ahmad Zahid, 68, is facing 47 charges — 12 of CBT, eight of corruption and 27 of money laundering — involving tens of millions of ringgit belonging to Yayasan Akalbudi.

For the 12 CBT charges, Ahmad Zahid is alleged to have used the funds to make payments for personal credit card bills, insurance policies and licences for his personal vehicles, besides remittances to a law firm and contributions to the Royal Malaysia Police (PDRM) football association under Section 409 of the Penal Code.

The defence will continue with its submissions tomorrow.

Kosmo | 9 September 2021 | Page 9

Ditahan seleweng gaji guru kontrak

MELAKA – Seorang bekas Penolong Pegawai Tadbir Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) ditahan berhubung kes menyeleweng wang bayaran lebihan gaji guru kontrak berjumlah RM195,000, empat tahun lalu.

Suspek yang berusia 36 tahun direman lima hari bermula semalam. Permohonan reman dibenarkan Majistret Mohamad Izwan Mohamed Noh.

Suspek tiba di Kompleks

Mahkamah Melaka di sini pada pukul 8.35 pagi.

Suspek ditahan selepas memberi keterangan di pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di sini berhubung kes penyelewengan kutipan bayaran lebihan gaji guru kontrak berjumlah RM195,765.75 pada pukul 11.45 pagi kelmarin.

Menurut sumber, siasatan awal mendapati suspek dipercayai mengemukakan dokumen

yang mengandungi butiran palsu bagi bayaran balik emolumen lebihan gaji kakitangan guru agama kontrak JAIM, sedangkan bayaran itu tidak diterima jabatan tersebut dari 2017 hingga 2018.

Perbuatan dilakukan semasa suspek bertugas sebagai penolong pegawai tadbir di JAIM.

Sementara itu, Pengarah SPRM Melaka, Mohd. Shahril Che Saad mengesahkan penahanan penjawat awam tersebut.



PEGAWAI SPRM membawa suspek (tengah) bagi mendapatkan permohonan reman di Mahkamah Majistret Melaka, Ayer Keroh semalam.

Sinar Harian | 10 September 2021 | Page 14

Empat pegawai kanan GLC direman empat hari

ALOR SETAR- Empat pegawai kanan sebuah syarikat berkaitan kerajaan (GLC) direman empat hari bermula Khamis bagi membantu siasatan berhubung salah guna kuasa dan kedudukan membabitkan dana bernilai kira-kira RM2.2 juta dari 2016 hingga 2019.

Penolong Pendaftar Wan Nor Fadzilah Wan Ibrahim membenarkan empat individu tersebut direman selepas menerima permohonan daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di Mahkamah Majistret Alor Setar pada Khamis.

Suspek berusia 49 hingga 58 tahun tersebut direman untuk membantu siasatan di bawah Seksyen 23 Akta SPRM 2009.

Pada Rabu, *Sinar Harian* melaporkan SPRM Kedah menahan empat pe-



Empat suspek diiringi pegawai SPRM untuk permohonan reman di Mahkamah Majistret Alor Setar pada Khamis.

gawai kanan sebuah syarikat GLC bagi membantu siasatan berhubung salah guna kuasa dan kedudukan mereka.

Pengarah SPRM Kedah, Datuk Shaharom Nizam Abd Manap menge-

sahkan perkara tersebut dan empat individu berkenaan ditahan antara jam 3.45 petang hingga 4.15 petang pada Rabu selepas hadir memberi keterangan di Pejabat SPRM Kedah.

The Sun | 10 September 2021 | Page 11

BRIEFS

SEVERAL KEY MANAGEMENT PERSONNEL OF SILTERRA ARRESTED BY MACC: DNeX

PETALING JAYA: Dagang Nexchange Bhd's (DNeX) wholly owned subsidiary, SilTerra Malaysia Sdn Bhd, has received notice from the Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) that they arrested several key management personnel of SilTerra on Wednesday to assist in their investigation of a potential offence under the MACC Act, 2009. "Based on the limited information available to the company, the MACC investigation may potentially be related to a legacy issue," DNeX said in a stock exchange filing yesterday. DNeX said it does not condone nor tolerate any form of misconduct among its employees and contractors and will ensure that SilTerra provides its full cooperation and assistance to the MACC. "The business operations of SilTerra will not be affected and there is no financial or operational impact to the DNeX group arising from the MACC investigation."

HARIAN METRO | 10/09/2021 | MS 8



SALAH seorang suspek menutup muka semasa tiba di Mahkamah Majistret Alor Setar bagi mendapatkan permohonan reman semalam.

CEO bekas anak syarikat GLC salah guna dana RM2.2j

ALOR SETAR – Empat pegawai kanan termasuk ketua pegawai eksekutif (CEO) bekas anak syarikat berkaitan kerajaan (GLC) ditahan selepas dipercayai terlibat dalam kes salah guna kuasa dan kedudukan membabitkan dana berjumlah RM2.2 juta.

Keempat-empat pegawai yang berusia 49 hingga 58 tahun itu ditahan secara berasingan selepas hadir memberi keterangan di Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Kedah di sini pada pukul 3.45 petang hingga 4.15 petang kelmarin.

Empat suspek itu kemudian dibawa ke Mahkamah Majistret di sini pada pukul 10 pagi semalam bagi mendapatkan permohonan reman.

Penolong Pendaftar Mahkamah Majistret, Wan Nor Fadzillah Wan Ibrahim membenarkan keempat-empat suspek ditahan reman selama empat

hari bermula semalam sehingga Ahad ini bagi membantu siasatan.

Menurut sumber, siasatan awal mendapati empat suspek termasuk seorang CEO tersebut dipercayai menyalahgunakan kuasa dan kedudukan mereka dengan menyalurkan dana syarikat tersebut berjumlah RM2.2 juta.

"Dana itu disalurkan kepada dua syarikat lain yang mana mereka dipercayai memiliki kepentingan di dalamnya.

"Perbuatan tersebut dipercayai dilakukan selama tiga tahun bermula pada 2016 hingga 2019," katanya kepada *Kosmo!* di sini semalam.

Sementara itu, Pengarah SPRM Kedah, Datuk Shaharom Nizam Abd. Manap ketika dihubungi mengesahkan tangkapan tersebut.

Menurut beliau, siasatan dijalankan mengikut Seksyen 23 Akta SPRM 2009.

HARIAN METRO | 10/09/2021 | MS 3

Oleh Noorazura Abdul
Rahman
am@hmetro.com.my

SELEWENG DANA RM2.2J

CEO bersama tiga pegawai kanan sebuah GLC direman empat hari bantu siasatan

Alor Setar

Seorang ketua pegawai eksekutif (CEO) dan tiga pegawai kanan sebuah syarikat berkaitan kerajaan (GLC) utama negara direman empat hari bermula semalam bagi membantu kes penyelewengan dana berjumlah RM2.2 juta.

Penolong Pendaftar Mah-

4
Suspek ditahan
ketika hadir memberi
keterangan di Pejabat
SPRM Kedah, kelmarin.

kamah Alor Setar Wan Nor Fadzilah Wan Ibrahim membenarkan permohonan reman yang dibuat pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi menahan empat suspek berusia antara 49 hingga 58 ta-

hun itu.

Kesemua suspek ditahan bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 23 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.

Kelmarin, keempat-empat suspek itu ditahan ketika ha-

dir memberi keterangan di Pejabat SPRM Kedah antara jam 3.45 petang hingga 4.15 petang.

Mereka disyaki terbabit salah guna kuasa dan kedudukan bagi menyeleweng dana milik syarikat antara tahun

2016 sehingga 2019 dengan menyalurkan sejumlah dana ke dalam dua syarikat berlainan.

Difahamkan, kesemua suspek mempunyai kepentingan dalam dua syarikat berkenaan.



CEO serta tiga pegawai kanan sebuah GLC utama negara direman empat hari. Gambar: NSTP/NOORAZURA ABDUL RAHMAN

KOSMO | 11/09/2021 | MS 12

Pengurus, bekas eksekutif direman makan suap RM18,000

SHAH ALAM – Seorang pengurus sebuah pertubuhan peladang yang disyaki menggunakan kedudukannya untuk terlibat dalam rasuah bagi pembekalan 5,000 liter baja cecair organik direman empat hari bermula semalam bagi membantu siasatan kes tersebut.

Perintah reman terhadap suspek berusia 54 tahun itu dikeluarkan Timbalan Pendaf-tar Namirah Hanum Mohamed Albaki di Mahkamah Majistret di sini.

Turut direman bagi tempoh sama adalah rakan komplotnya berusia 51 tahun yang juga bekas eksekutif pertubuhan itu.

Menurut sumber, kedua-dua mereka sebelum itu telah ditahan pukul 3 petang kelmarin di Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Selangor.

Kata sumber, kedua-dua suspek melakukan perbuatan rasuah itu pada tahun 2015.

"Berdasarkan siasatan awal mendapati mereka telah menerima suapan masing-masing berjumlah RM13,000 dan RM5,000.

"Wang itu sebagai balasan



PENGURUS pertubuhan peladang (depan) dan bekas eksekutif (belakang) dibawa ke Mahkamah Majistret Shah Alam bagi mendapatkan perintah reman untuk membantu siasatan.

membantu sebuah syarikat mendapatkan kontrak pembekalan 5,000 liter baja cecair organik untuk input pertanian berjumlah lebih RM140,000," katanya kepada Kosmo/ di sini semalam.

Sementara itu, Pengarah

SPRM Selangor, Datuk Alias Salim ketika dihubungi mengesahkan penahanan kedua-dua suspek berkenaan.

"Kes disiasat di bawah Seksyen 16(a)(A) Akta SPRM 2009," jelasnya.

Harian Metro | 11 September 2021 | Page 22



DUA individu ditahan reman empat hari oleh Mahkamah Majistret Shah Alam, semalam.

Shah Alam: Mahkamah Majistret Shah Alam, semalam mengeluarkan perintah reman empat hari terhadap dua individu termasuk seorang penjawat awam bagi membantu siasatan berhubung kes menerima wang suapan kira-kira RM18,000 daripada sebuah syarikat pembekal baja.

Perintah reman kedua-dua lelaki itu sehingga 13 September ini itu dikeluarkan Penolong Pendaftar Mahkamah Majistret Namirah Hanum Mohamed Al-

baki selepas membenarkan permohonan yang dikemukakan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Terdahulu kedua-dua suspek yang berusia 54 dan 51 tahun itu tiba di pekarangan Kompleks Mahkamah Sultan Salahuddin Abdul Aziz kira-kira jam 10 pagi diiringi pegawai SPRM.

Dua direman bantu siasatan suapan RM18,000

Kelmarin, media melaporkan SPRM menahan dua individu termasuk seorang penjawat awam kerana dipercayai menerima wang suapan kira-kira RM18,000 daripada sebuah syarikat pembekal baja.

Kedua-dua suspek itu ditahan jam 3 petang di pejabat SPRM Selangor ketika hadir memberi keterangan.

Sumber SPRM memaklumkan perbuatan itu dipercayai dilakukan seorang penjawat awam bersama seorang lagi suspek sebagai balasan membantu syarikat pembekal baja tersebut mendapatkan kerja membekalkan baja cecair organik bernilai lebih RM140,000 kepada sebuah pertubuhan peladang di Selangor.

Sinar Harian | 11 September 2021 | Page 23

Dua lelaki termasuk pengurus ladang direman

SHAH ALAM - Dua lelaki termasuk seorang pengurus sebuah pertubuhan peladang direman empat hari di Mahkamah Majistret di sini pada Jumaat bagi membantu siasatan berhubung kes rasuah RM18,000 pembekalan baja 5,000 liter baja cecair organik, enam tahun lalu.

Timbalan Pendaftar Namirah Hanum Mohamed Albaki mengeluarkan perintah itu selepas membenarkan permohonan pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk menahan suspek, bermula pada Jumaat sehingga 13 September.

Kedua-dua suspek masing-masing berusia 54 dan 51 tahun, tiba pada jam 10 pagi dengan memakai baju lokap SPRM dibawa

RASUAH PEMBEKALAN BAJA

ke mahkamah dalam keadaan bergari serta dikawal pegawai SPRM.

Pada Khamis, *Sinar Harian* melaporkan, SPRM menahan dua individu termasuk seorang penjawat awam berhubung kes menerima suapan kira-kira RM18,000 daripada sebuah syarikat pembekal baja.

Sumber SPRM memaklumkan, perbuatan itu dipercayai dilakukan seorang penjawat awam bersama seorang lagi suspek masing-masing berusia dalam lingkungan 50-an sebagai balasan membantu syarikat pembekal baja mendapatkan kerja membekalkan baja cecair organik bernilai lebih RM140,000 kepada sebuah pertubuhan peladang di Selangor.

Kosmo | 14 September 2021 | Page 8

Penolong Jurutera JKR terima rasuah didenda RM1,000

SEREMBAN – Seorang Penolong Jurutera Awam di Jabatan Kerja Raya (JKR) didenda RM1,000 kerana menerima rasuah RM5,000 bagi pembinaan sebuah dewan badminton Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Rantau di sini lapan tahun lalu.

Hakim Mahkamah Sesyen, Madihah Harullah menjatuhkan hukuman itu selepas tertuduh, Abdul Halim Abdullah, 45, mengaku bersalah atas pertuduhan yang disabitkan ke atasnya semalam.

Mahkamah sebelum itu membenarkan permohonan Timbalan Pendakwa Raya, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

(SPRM), Mohamad Azriff Firdaus Mohamad Ali untuk mengguna pakai *Take Into Consideration* (TIC) bagi tiga lagi pertuduhan yang disabitkan ke atas tertuduh.

Mahkamah memerintahkan tertuduh dipenjara lima bulan sekiranya gagal membayar denda dan Abdul Halim membayar denda tersebut.

Lelaki itu ketika kejadian bertugas sebagai Juruteknik JKR Gred J17 didakwa menerima suapan RM5,000 daripada Abu Azman Yaacob, wakil sebuah syarikat pembinaan sejak Februari hingga Mei 2013 secara berperingkat melalui empat transak-

si secara dalam talian.

Wang itu sebagai balasan bagi mempercepatkan urusan memperakukan kerja-kerja yang dijalankan Qudhrat Engineering Construction (QEC), kontraktor yang dilantik bagi projek pembinaan dewan badminton di SMK Rantau bernilai RM2.18 juta.

Kesalahan itu dilakukan di sebuah bank di Kuala Klawang, Jelevu dekat sini pada 8 Februari hingga 7 Mei 2013.

Sebelum ini, Kosmo melaporkan Abdul Halim dihadapkan ke mahkamah sama atas empat pertuduhan menerima rasuah RM5,000 pada 16 Disember 2020.



ABDUL HALIM menutup muka ketika dibawa untuk dituduh di Mahkamah Sesyen Seremban pada 16 Disember 2020.

Harian Metro | 14 September 2021 | Page 9

Kena 9 tuduhan suapan

*Staf PKD tak mengaku bersalah
terima rasuah lebih RM31,000*

Oleh Nuraliawati Sabri
am@hmetro.com.my

Melaka

Seorang kakitangan Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Jasin dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Ayer Keroh di sini, semalam, atas sembilan pertuduhan menerima suapan membatikan nilai berjumlah RM31,000.

Tertuduh, Ab Hanif Ab Hamid, 40, bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas semua pertuduhan dibacakan jurubahasa mahkamah di hadapan Hakim Elesabet Paya Wan.

Berdasarkan pertuduhan pertama hingga sembilan, tertuduh sebagai pegawai

badan awam didakwa menyalahgunakan kedudukannya untuk mendapatkan suapan.

Ia membatikan permohonan pembekalan pelbagai barangan termasuk mangkuk tandas, alas kaki, cat, racun dan mesin rumput yang kesemuanya berjumlah RM31,099.50.

Perbuatan berkenaan didakwa dilakukan tertuduh di Unit Bekalan Air dan Kebersihan Alam Sekeliling (BAKAS) PKD Jasin, antara 4 Julai 2018 hingga 28 November 2018.

Tertuduh didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 23(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 yang boleh dihukum di bawah Seks-



TERTUDUH dibawa keluar Mahkamah Sesyen Ayer Keroh, semalam.

yen 24(1) akta sama yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda jumlah atau nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

Prosiding pendakwaan dikendalikan Pegawai Pendakwa SPRM Nur Syakila Yaacob mencadangkan jaminan RM5,000 diberikan kepada tertuduh.

Selepas mendengar hujah kedua-dua pihak Elesabet kemudian membenarkan tertuduh diikat jamin RM5,000 bagi kesemua pertuduhan selain memerintahkan dia melapor diri dua bulan sekali ke Pejabat SPRM negeri.

Beliau turut menetapkan 20 Oktober depan tarikh sebutan semula kes dan serahan dokumen.

Terdahulu, tertuduh diwakili peguam Wan Shahrizal Wan Ladin.

Harian Metro | 16 September 2021 | Page 24

Padah beri kontrak RM46k pada keluarga

Putrajaya: Seorang pensyarah wanita Universiti Awam bergelar doktor ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) bagi membantu siasatan kes salah guna kuasa dalam pemberian kontrak berjumlah RM46,000 kepada kakak kandung dan abang iparnya.

Individu berusia 40-an itu ditahan jam 11 pagi kelmarin, di Pejabat SPRM Putrajaya.

Difahamkan, kontrak itu membabitkan projek pembekalan barangan pejabat

serta pembelian serta penyenggaraan mesin jahit di sebuah jabatan di universiti berkenaan antara 2015 sehingga 2017.

Bagaimanapun, suspek dibebaskan dengan jaminan SPRM selepas selesai diambil keterangan pada hari sama.

Sementara itu, Pengarah SPRM Wilayah Persekutuan Putrajaya Mohd Anuar Ismail ketika dihubungi mengesahkan tangkapan berkenaan, namun enggan mengulas lanjut.

Sinar Harian | 16 September 2021 | Page 21

Pensyarah kanan ditahan SPRM disyaki beri kontrak kepada kakak, abang ipar

PUTRAJAYA - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Putrajaya menahan seorang pensyarah kanan sebuah universiti awam kerana disyaki menyalahgunakan kuasa memberi kontrak bernilai kira-kira RM46,000 kepada kakak kandung dan abang iparnya.

Wanita bergelar doktor

berusia dalam lingkungan 40-an itu ditahan kira-kira jam 11 pagi Selasa di Pejabat SPRM Putrajaya.

Kontrak tersebut ialah projek pembekalan barang pejabat dan pembelian serta penyelenggaraan mesin jahit di sebuah jabatan di universiti berkenaan pada tahun 2015 hingga 2017.

Bagaimanapun, pensyarah berkenaan telah dibebaskan dengan jaminan SPRM selepas selesai memberi keterangan petang Selasa.

Pengarah SPRM Wilayah Persekutuan Putrajaya, Mohd Anuar Ismail ketika dihubungi mengesahkan tangkapan tersebut, namun enggan mengulas lanjut.

Harian Metro | 22 September 2021 | Page 17

Kemuka tuntutan palsu RM27,000

Putrajaya: Seorang pegawai penguat kuasa Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) ditahan reman lima hari bermula semalam kerana disyaki mengemukakan tuntutan palsu berjumlah hampir RM27,000.

Majistret Shah Wira Abdul Halim mengeluarkan perintah reman sehingga 25 September depan selepas Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) membuat permohonan berkeajaan di Mahkamah Majistret Putrajaya, di sini.

Menurut sumber, suspek berusia 24 tahun itu di-

tahan ketika hadir memberikan keterangan di Ibu Pejabat SPRM Putrajaya kira-kira jam 5.30 petang kelmarin.

Difahamkan, suspek yang bertugas di salah sebuah PBT itu mengemukakan tuntutan palsu berkaitan sewaan perkhidmatan lori dengan menggunakan resit mengandungi butiran muatan palsu.

Sementara itu, Pengarah SPRM Wilayah Persekutuan Putrajaya, Mohd Anuar Ismail ketika dihubungi mengesahkan penahanan terbabit.



PEGAWAI penguat kuasa PBT direman lima hari bermula semalam di Mahkamah Majistret Putrajaya, semalam.

Harian Metro | 23 September 2021 | Page 18



SHAFIZAN dibawa keluar dari Mahkamah Sesyen Shah Alam, semalam. - Gambar NSTP/FAIZ ANUAR

Pegawai ATM nafi terima suapan RM2.5k

Shah Alam: Seorang pegawai Angkatan Tentera Malaysia (ATM) berpangkat letenan kolonel didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas tiga pertuduhan rasuah berjumlah RM2,500 bagi urusan kerja di Kem Paya Jaras, Sungai Buloh, tahun lalu.

Tertuduh, Shafizan Amin, 47, bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas semua pertuduhan dibacakan jurubahasa di hadapan Hakim Rasyidah Ghazali.

Mengikut ketiga-tiga kertas pertuduhan, tertuduh iaitu Penolong Pegawai Memerintah di Rejimen Perhubungan Strategik, Kem Paya Jaras, Sungai Buloh didakwa menerima wang tu-

nai keseluruhan berjumlah RM2,500 secara berperingkat yang dimasukkan ke akaun bank milik seorang wanita.

Wang berkenaan diberikan seorang lelaki iaitu pemilik sebuah syarikat swasta yang diketahui ada kaitan dengan tugas rasmi tertuduh sebagai Penolong Pegawai Memerintah membatalkan kerja di kem berkenaan.

Semua kesalahan itu dilakukan di sebuah cawangan bank di Putra Heights, Subang antara Mei dan Julai tahun lalu.

Justeru, bapa kepada lima anak itu didakwa mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan (Akta 574) dan sabit

kesalahan boleh dipenjarakan sehingga dua tahun atau dengan denda atau kedua-duanya.

Pihak pendakwaan diwakili Pegawai Pendakwa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Mohd Aliff Shahrizaman yang menawarkan jaminan RM10,000 dengan seorang penjamin serta syarat tambahan pasport diserahkan ke mahkamah dan perlu melaporkan diri di Pejabat SPRM berdekatan pada minggu pertama setiap bulan.

Tertuduh yang diwakili Peguam Mohd Aidil Arsad dan Mohd Shukri Ahmad Mansor memohon wang jaminan dikurangkan beri-

kutan tertuduh diisytiharkan bankrap pada 2018 serta mempunyai tanggungan yang ramai.

Mohd Aidil turut memaklumkan bahawa tertuduh pernah mempunyai pasport pada 2006, bagaimanapun ia sudah tamat tempoh dan tidak diperbaharui.

Mahkamah menetapkan jaminan RM5,000 dengan seorang penjamin selain tertuduh perlu melaporkan diri di Pejabat SPRM Shah Alam pada minggu pertama setiap bulan dan tidak dibenarkan memperbaharui pasport sehingga kes selesai.

Sebutan semula kes ditetapkan pada 25 Oktober depan.

The Edge CEO Morning Brief | 24 September 2021 | Pg 17

KUALA LUMPUR (Sept 23): Lim Guan Eng's former private secretary told the Sessions Court here today that the former Penang chief minister and Consortium Zenith BUCG Sdn Bhd (CZBUCG) owner Datuk Zarul Ahmad Mohd Zulkifli had met no more than five times.

Farida HaniYacob, 47, who worked as Lim's private secretary from 2009 until 2018, said Lim and Zarul Ahmad's meetings regarding the undersea tunnel project in the state were usually held at the chief minister's office in Komtar.

"I first knew Zarul Ahmad as the owner of CZBUCG after the media ran reports on the undersea tunnel project in Penang," she said when reading her witness testimony at Lim's corruption trial involving the construction of an undersea tunnel and paired roads project in Penang.

On the appointment and meeting arrangements between Lim and Zarul Ahmad, the sixth prosecution witness said Zarul Ahmad would contact her to obtain the dates.

"I would get the approval of the chief minister (Lim) first and get back to Zarul Ahmad about the appointment details. As far as I remember, the meetings I arranged between Lim and Zarul Ahmad were less than five times," she said during the examination-in-chief by deputy public prosecutor Wan Shahrudin Wan Ladin.

Farida Hani added that she was never present at any of the meetings and did not know what was discussed during those meetings.

"I am also uncertain if Zarul Ahmad had ever brought any packages, letters

Tunnel project contractor met Lim several times at CM's office — witness

Bernama

or boxes with him when meeting Lim. If Zarul Ahmad came to the chief minister's office, he would go directly to a meeting room or a VIP room without passing my room," she said.

Meanwhile, WCT Construction Sdn Bhd general manager, Ooi Bok Thian, 49, said although his company had the experience in undersea tunnel projects, the company only secured a score of 59 in the technical and financial evaluations for the project.

CZBUCG, on the other hand, obtained the highest score, 93, in the overall evaluation for the project.

"China State Construction Engineering Corp Ltd & VST Cemerlang Sdn Bhd was second highest, with 77," he said.

The seventh

prosecution witness said that WCT had conducted a joint partnership with Daewoo Joint Ventures as the company was involved in a megaproject building an undersea tunnel in South Korea.

According to the first amended charge, Lim is accused of using his position as Penang chief minister to obtain a bribe of RM3.3 million as an inducement to assist Zarul Ahmad's company to secure the construction project worth RM6,341,383,702.

Lim is charged with committing the offence at the Penang chief minister's office, Level 28, Komtar, George Town, between January 2011 and August 2017.

For the second amended charge, Lim is accused of soliciting bribes of 10% in profits from the company as gratification to secure the project.

The offence was allegedly committed near The Gardens Hotel, Lingkaran Syed Putra, Mid Valley City, here, between 12.30am and 2am in March 2011.

Lim, who is also DAP secretary-general, faces another two charges of causing two plots of land, worth RM208.8 million, belonging to the Penang government to be disposed of to two companies linked to the state's undersea tunnel project.

The two offences were allegedly committed at the Penang Land and Mines Office, Level 21, Komtar, on Feb 17, 2015 and March 22, 2017.

The trial before Judge Azura Alwi, continues tomorrow.



BERNAMA PHOTO: IZZANI MOHD SAID/THE EDGE

Harian Metro | 29 September 2021 | Page 19



SEORANG guru besar sebuah sekolah di Port Dickson direman enam hari di Mahkamah Khas Reman, Seremban, semalam.

Guru besar kena reman enam hari

Seremban: Guru besar sebuah sekolah di Port Dickson direman enam hari bermula semalam, bagi membantu siasatan membabitkan kes mengemukakan tuntutan palsu berjumlah RM1,568 dua tahun lalu.

Perintah reman terhadap lelaki berusia 57 tahun itu dikeluarkan Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Khas Reman Seremban, Syed Farid Syed Ali selepas mendapat permohonan oleh Pegawai Pendakwa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Mohd Khairi Abdul Karim.

Suspek pada penghujung 2019 dikatakan mem-

pembayaran bagi program Majlis Sukan Negara (MSN), majlis perpisahan dan majlis hari jadi di sekolah tempatnya bertugas namun dipercayai majlis berkenaan tidak dilaksanakan.

Terdahulu akhbar melaporkan suspek ditahan di Pejabat SPRM Negeri Sembilan di sini, kira-kira jam 1.30 tengah hari kelmarin selepas hadir memberikan keterangan.

Pengarah SPRM Negeri Sembilan, Awangkok Ahmad Taufik Putra Awang Ismail mengesahkan penahanan suspek terba-

bit dan kes disiasat mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009.

Suspek kemuka tuntutan palsu berjumlah RM1,568 dua tahun lalu

Harian Metro | 29 September 2021 | Page 22

LAPORAN AUDIT

Siasat 25 isu bersifat punitif

Bernama
Kuala Lumpur

Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) akan menjalankan prosiding terhadap 25 isu bersifat punitif yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2019 Siri 2, semalam.

Pengerusinya Wong Kah Woh berkata, antara isu yang mendapat perhatian PAC adalah Sistem uCUSTOMS bernilai RM397.43 juta membabitkan Kementerian Kewangan dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) yang gagal disiapkan sehingga kini sejak dimulakan Oktober 2013.

"Kos asal projek ini ada-

lah sebanyak 317.78 juta, setelah lima kali EOT (lanjutan masa) kos akhir projek ini menjadi RM397.43 juta.

"Status projek gagal disiapkan dan jumlah dibayar kerajaan setakat ini adalah sebanyak RM272.99 juta," katanya, di sini.

Turut hadir, Ketua Audit Negara Datuk Nik Azman

Nik Abdul Majid yang sebelum itu memberi taklimat kepada ahli PAC.

Wong menjangka prosiding membabitkan isu dilaporkan LKAN 2019 siri 2 itu dimulakan November ini.

Beliau berkata, PAC memandang serius peningkatan isu bersifat tindakan punitif dalam laporan kali

ini berbanding LKAN 2019 Siri 1 yang hanya mencatatkan 11 isu tindakan punitif.

"Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) harus bersikap lebih agresif dan memandang serius isu-isu yang dibangkitkan dalam LKAN.

"Sehubungan itu, PAC menggesa SPRM melakukan

siasatan segera terhadap semua isu dikategorikan sebagai punitif," katanya.

Sementara itu, Nik Azman berkata, JKDM merekodkan pembaziran tertinggi membabitkan sistem uCUSTOMS berkenaan dengan nilai RM272.99 juta.

"Pembaziran sebab projek tak siap tapi kena bayar," katanya.

Sinar Harian | 29 September 2021 | Page 8

Pembaziran direkodkan RM285.04 juta

Sejumlah 17 pengauditan dilaksanakan sempena LKAN 2019 Siri 2 ini

Oleh NURUL RIDUAN NOR ASHAHA

SHAH ALAM

Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2019 Siri 2 merumuskan lima perkara penting membabitkan Pembaziran, Ketirisan, Pembayaran Tidak Betul (Improper Payment), Pencapaian Objektif dan Kelemahan Pengurusan Program.

Elemen Pembaziran menyaksikan berlakunya pembaziran sebanyak RM285.04 juta melibatkan tiga perkara iaitu Sistem uCustoms sebanyak RM272.99 juta, Projek Penyaluran Air Mentah Pahang-Selangor (RM7.16 juta) dan Perkhidmatan Rangkaian Telekomunikasi Bersepadu Kerajaan (RM4.89 juta).

Berhubung Sistem uCustoms, Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) Parlimen, Wong Kah Woh menggesa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) me-

lakukan siasatan segera terhadap Sistem uCustoms bernilai RM397.43 juta melibatkan Kementerian Kewangan dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia yang gagal disiapkan tetapi pembayaran telah dibuat.

Kah Woh berkata, sistem dalam talian itu gagal disiapkan sehingga kini sejak ia dimulakan pada Oktober 2013 sedangkan kerajaan sudah membayar sejumlah RM272.99 juta kepada syarikat terpilih.

"Kos asal projek ini adalah RM317 juta dan selepas disambung selama lima kali ia meningkat kepada RM397.43 juta, namun gagal disiapkan.

"Sistem ini pada awalnya dibangunkan untuk memudahkan urusan pengguna secara dalam talian tetapi sebab tidak siap, ia gagal untuk diakses," katanya pada sidang akhbar di Dewan Rakyat pada Selasa.

Sebanyak 17 pengauditan prestasi bernilai RM90.635 bilion dilaksanakan sempena LKAN 2019 Siri 2 membabitkan program, aktiviti dan projek di 13 Kementerian dan 62 syor dikemukakan terhadap aktiviti Kementerian, jabatan dan agensi Persekutuan bagi membolehkan tindakan pembetulan dan penambahbaikan diambil.

Jabatan Audit Negara (JAN)



Sebanyak 17 pengauditan prestasi bernilai RM90.635 bilion dilaksanakan sempena LKAN 2019 Siri 2.

juga menjalankan pengauditan prestasi terhadap 21 program, aktiviti dan projek yang membabitkan 26 jabatan dan 10 agensi kerajaan negeri serta 11 pengauditan pengurusan syarikat kerajaan negeri bagi laporan itu.

Ketua Audit Negara, Datuk Nik Azman Nik Abdul Majid dalam kenyataan mengenai LKAN 2019 Siri 2 itu berkata sebanyak 130 syor telah dikemukakan iaitu 88 syor untuk dipertimbangkan pelaksanaannya oleh jabatan dan agensi negeri serta 42 syor oleh syarikat kerajaan negeri yang berkenaan

untuk membolehkan tindakan pembetulan dan penambahbaikan diambil.

LKAN 2019 Siri 2 yang dibentangkan di Dewan Rakyat hari ini terdiri daripada 15 naskhah yang membabitkan LKAN Tahun 2019 Siri 2 mengenai Aktiviti Kementerian, Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Badan-Badan Berkanun Persekutuan; LKAN Tahun 2019 Siri 2 mengenai Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan serta 13 naskhah LKAN peringkat negeri iaitu LKAN Tahun 2019 Siri 2 bagi Aktiviti Jabatan, Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri.

Bagi Ketirisan, LKAN 2019 Siri 2 memaparkan berlaku ketirisan sebanyak RM29.92 juta melibatkan Pengurusan AP Terbuka Kenderaan sebanyak RM28.06 juta dan Pengurusan Peralatan Perubatan Hospital sebanyak RM1.86 juta.

Pembayaran Tidak Betul pula melibatkan jumlah keseluruhan sebanyak RM65.61 juta di mana merangkumi Sistem uCustoms sebanyak RM64.89 juta, Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (RM0.65 juta) dan Perkhidmatan Rangkaian Telekomunikasi Bersepadu Kerajaan (RM0.07 juta).

Pencapaian Objektif mula merangkumi aspek tidak tercapai sepenuhnya, tidak dapat diukur dan tidak tercapai.

Bagi tidak tercapai sepenuhnya, LKAN 2019 Siri 2 menyenaraikan 10 intipati iaitu penyelenggaraan kuarters di Putrajaya; Sistem Pilihan Raya Malaysia; Skim mySalam; Pengurusan AP Terbuka Kenderaan; Program Malaysia Rumah Kedua; Pembangunan Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2020; Projek Penyaluran Air Mentah Pahang-Selangor; Projek Loji Rawatan Air Langat 2 dan Sistem Agihan Fasa 1; pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam; Program Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional.

Tidak dapat diukur pula melibatkan pengurusan peralatan perubatan hospital manakala Sistem uCustoms berada di bawah aspek tidak tercapai.

Kelemahan Pengurusan Projek merangkumi empat perkara iaitu kelemahan aktiviti penguatkuasaan dan pemantauan, kontrak, tunggakan hasil serta kelewatan kutipan pinjaman.

Dua lagi adalah kelewatan tandatangan kontrak dan kelemahan perancangan serta ketiadaan kaedah pengukuran pencapaian berhasi.